

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ZAKARIA BIN MOHD
EDRIS@TUBAU (LIBARAN)**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK ZAKARIA BIN MOHD EDRIS@TUBAU [LIBARAN] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan bagaimanakah Kementerian memainkan peranannya dalam merealisasikan WKB2030, Keluarga Malaysia dan Aspirasi 100 Hari Pentadbiran Jemaah Menteri di alaf pasca COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua inisiatif dan dasar yang dibangunkan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) adalah berpandukan kepada agenda semasa Kerajaan. Sebagai Kementerian yang menerajui pembangunan infrastruktur negara, aspek kesejahteraan rakyat sentiasa diambil kira dalam apa jua pelaksanaan projek dan inisiatif.

Bagi merealisasikan WKB2030, Keluarga Malaysia dan Aspirasi 100 Hari Pentadbiran Jemaah Menteri di alaf pasca COVID-19 ini, KKR akan terus meningkatkan usaha serta memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan melalui pendekatan-pendekatan yang lebih berstruktur bersama-sama agensi dan pihak-pihak yang terlibat. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif bagi setiap aspirasi adalah berlandaskan dua (2) Teras Utama dari enam (6) yang telah ditetapkan oleh kerajaan iaitu di bawah Teras 1 : Menstruktur Semula Ekonomi dan Teras 4 : Mempertingkatkan Infrastruktur Menyeluruh. Selain program-program bersifat people centric dan berimpak tinggi dalam usaha memulihkan industri pembinaan dan rantaian ekonomi dibawahnya dalam tempoh 100 hari ini, kita juga menetapkan beberapa sasaran jangka sederhana dan panjang. Setiap inisiatif dan sasaran akan dipantau dengan teliti supaya dapat dicapai seperti yang ditetapkan agar rakyat khususnya Keluarga Malaysia mendapat manfaatnya.

Sebagai contoh, Dasar Pembinaan Negara 2030 (NCP 2030) yang telah dilancarkan pada 9 November 2021 yang lalu dibangunkan dengan hasrat untuk menyokong WKB2030 melalui teras-teras yang berpaksikan kepentingan rakyat dan penggiat industri. Ini termasuklah untuk menyediakan dan menambah lebih infrastruktur berkualiti dan inklusif melalui pembangunan menyeluruh dan berstruktur di seluruh negara bagi setiap peringkat masyarakat demi meningkatkan indeks kesejahteraan sosial. NCP 2030 turut memfokuskan kepada digitalisasi dan aplikasi teknologi

dalam usaha untuk memperkasa modal insan dengan tenaga kerja mahir seperti mana yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

Selain itu, dalam meningkatkan jaminan keselamatan rakyat terutamanya di tapak bina, Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia sedang meneliti beberapa Standard Industri Pembinaan (CIS) yang boleh dijadikan sebagai peraturan bagi memperkukuh dan memperkasa penguatkuasaan prosedur kerja selamat. Inisiatif ini diharap akan dapat mengurangkan kadar kemalangan melibatkan pekerja tapak bina dan orang awam melalui penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang lebih ketat.

KKR sentiasa komited dalam melaksanakan segala aspirasi dan wawasan negara agar ia tercapai dengan jayanya dan rakyat boleh menikmati faedah serta kesejahteraan amnya.

Sekian, terima kasih.